

**Kehadiran pegawai SPRM di sidang media kaji selidik rasuah cetus kekecohan
Malaysian Insider
July 10 , 2013
Oleh Trinna Leong**

Kehadiran pegawai agensi kerajaan Pemandu dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada sidang akhbar Transparency International (TI) Malaysia semalam, menimbulkan kekecohan.

Ia berikutan bekas Setiausaha Agung TI Malaysia, Josie Fernandez mempertikai kehadiran seorang pengarah NKRA, Datuk Nordin Hashim; Pengarah Pemandu, Ravindran Devagunam dan beberapa pegawai SPRM pada sidang media itu.

"Apa yang NKRA, Pemandu dan SPRM buat di sini (sidang media)? Adakah ini sidang media NGO atau kerajaan?" katanya sejurus TI Malaysia membentang kaji selidik terkini mengenai rasuah.

"Kita akan hilang suara rakyat terhadap usaha memerangi rasuah," kata Setiausaha Agung TI Malaysia itu sambil menekankan kepentingan TI Malaysia tidak menyebelahi mana-mana pihak.

Situasi hubungan simbiotik antara NGO dan agensi kerajaan jarang berlaku di Malaysia.

Kekecohan itu berlarutan apabila Fernandez yang ditemu bual pemberita 'dijerit' seorang ahli exco TI Malaysia, Mejar Rozni Hashim atas alasan Fernandez tidak berhak bercakap kepada media.

Ketika itu, Fernandez sedang memberi pandangan mengenai hasil kaji selidik berkenaan.

Rozni menyifatkan Fernandez perlu berhenti membuat kenyataan kerana tidak lagi menyandang jawatan Setiausaha Agung yang kini dipegang Loi Kheng Min.

"Anda semua (pemberita) mendengar pada orang yang salah," katanya sebelum 'mengarahkan' media menemu bual Loi.

TI Malaysia dikatakan bergolak sejak bekas Presidennya, Datuk Paul Low meninggalkan jawatan itu Mei lalu untuk menjadi senator dan anggota Kabinet Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Beliau digantikan bekas pegawai SPRM, Datuk Akhbar Satar manakala Prof Datuk Mohamad Ali Hasan dan Lio Kheng Min sebagai Timbalan Presiden dan Setiausaha Agung.

Pelantikan Paul menimbulkan kebimbangan sama ada TI Malaysia akan terus menjadi badan berkecuali atau memiliki agenda tersendiri.

Mengulas mengenai pergolakan TI Malaysia, Fernandez berkata: "Dalam usaha membanteras rasuah, TI Malaysia memerlukan individu yang tidak ada kepentingan politik."
10 Julai, 2013

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/kehadiran-pegawai-sprm-di-sidang-me>

dia-kaji-selidik-rasuah-cetus-kekecohan/